



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**  
**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI**  
**DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN KPDNHEP BULAN SEPTEMBER 2022**

PADA

**13 SEPTEMBER 2022 (SELASA)**

TEMPAT

**DEWAN SERBAGUNA ARAS G, KPDNHEP**

TERIMA KASIH SAUDARA/SAUDARI PENGACARA MAJLIS

**YB DATO' ROSOL BIN WAHID**

TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF**

KETUA SETIAUSAHA KPDNHEP

**YBHG. DATUK ROZIAH BINTI ABUDIN**

TKSU (PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI)

**YBHG. DATIN ROSZANINA BINTI WAHAB**

TKSU (PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA)

KETUA-KETUA AGENSI

PENGARAH-PENGARAH KANAN SEKTOR DAN PENGARAH-  
PENGARAH BAHAGIAN

WARGA KERJA KEMENTERIAN

SALAM SEJAHTERA, SALAM KELUARGA MALAYSIA

## PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya ingin meluahkan rasa penuh syukur kerana kita sama-sama dapat berhimpun pada pagi ini dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KPDNHEP Bulan September 2022. Sekalung ucapan terima kasih kepada Sektor Barang Kawalan dan Subsidi (SBKS) dan Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) yang menjadi penganjur bagi perhimpunan kali ini.

2. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan tahniah dan syabas di atas penganjuran sambutan ulang tahun Penguat Kuasa yang ke 50 pada 21 Julai 2022 dengan tema “**Komited Mendepani Cabaran**”. Majlis Perbarisan Kawalan Kehormatan Sempena Sambutan Jubli Emas Ke 50 Tahun tersebut diadakan bersekali dengan program tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan Tahun 2022. Saya secara individu amat tersentuh dengan insiden yang berlaku semasa perbarisan majlis tersebut dan ia membuka mata pelbagai lapisan masyarakat, termasuk dari luar negara mengenai pengorbanan seorang ayah kepada anaknya dan keutuhan kekeluargaan yang dipancarkan melalui cerminan kasih sayang seorang ayah saudara kepada anak saudaranya sendiri. Kasih sayang itu bukan dibuat-buat dan merupakan tindakan spontan yang mengusik hati kecil setiap individu yang melihat.

3. Insiden itu bukan sahaja membuka mata masyarakat tentang pengorbanan anggota Penguat Kuasa KPDNHEP sebagai salah satu pasukan barisan hadapan, malah pihak media tempatan dan luar negara juga turut memberikan liputan kepada insiden yang menyentuh hati itu.

4. Tidak terhenti di situ sahaja, Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP turut mencipta sejarah tersendiri melalui penganjuran Majlis Santapan Malam Sambutan Jubli Emas Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP yang dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan juga anakanda, Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Ini tentunya amat membanggakan kerana inilah pertama kali Yang di-Pertuan Agong berkenan bercemar duli menghadiri majlis yang dianjurkan oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, yang jelas menunjukkan pengiktirafan terhadap jasa bakti anggota Penguat Kuasa.

5. KPDNHEP juga turut berbesar hati di atas kesudian YAB Perdana Menteri, Dato Sri Ismail Sabri Yaakob menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (Retail Digitalisation Initiative) (ReDI) Peringkat Kebangsaan di Dataran Kerayong, Bera, Pahang, 27 Ogos yang lalu. ReDI Peringkat Kebangsaan adalah julung-julung kalinya diadakan bagi memacu gagasan digitalisasi sektor peruncitan luar bandar seluruh negara dalam menggalakkan peniaga kecil dan sederhana mengadaptasi teknologi. Ini dapat membantu meningkatkan pendapatan peniaga kecil melalui pengurusan transaksi kewangan secara sistematik. Syabas kepada semua!

6. Untuk makluman semua, perhimpunan kali ini diadakan sempena sambutan bulan Kebangsaan dengan tema “**Keluarga Malaysia Teguh Bersama**” yang diambil selari dengan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang akan disambut pada 31 Ogos 2022 dan 16 September

2022.

7. Saya tertarik dengan pintu gerbang dan lakaran sejarah yang dipaparkan di luar dewan ini. Hayatilah dan selamilah sejarah kemerdekaan negara ini untuk menyuntik semangat dan membina jati diri dalam mempertahankan dan membangunkan negara kita sendiri, bumi Malaysia yang tercinta.

8. Sebagai cucu kepada salah seorang bapa pembentukan Malaysia, Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah Anak Barieng dan tahu serba sedikit kepayahan dan perit jerih pembentukan negara ini melalui datuk saya, tentunya saya ingin melihat negara Malaysia ini terus diulit kesejahteraan, keharmonian dan perpaduan yang tidak akan pernah lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

#### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

9. Tema '**Keluarga Malaysia Teguh Bersama**' dipilih bagi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini adalah amat bersesuaian dengan konsep keharmonian sebuah keluarga besar berteraskan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

10. **Teguh Bersama** mendukung maksud kekuatan dan kesepaduan yang dicapai secara kolektif serta mampan oleh Keluarga Malaysia dalam mengharungi pelbagai cabaran dengan semangat sebuah keluarga.

11. Sekiranya diamati logo Hari Kebangsaan tahun ini, ia adalah berkonsepkan jalur liputan internet yang melambangkan pembangunan infrastruktur, sistem komunikasi serta pendigitalan yang semakin maju dan berkembang untuk kemudahan rakyat. Ia turut melambangkan

kebersamaan, komited untuk terus maju ke hadapan serta keberadaan teknologi terkini yang menjadi penghubung kehidupan ekonomi rakyat.

12. Justeru, konsep Keluarga Malaysia Teguh Bersama harus lahir daripada jiwa dan perasaan cinta kepada negara, rasa sayang kepada ahli-ahli dalam keluarga besar Malaysia. Ia bukan sekadar tema, tetapi bagaimana kita sebagai rakyat Malaysia menzahirkan semangat Keluarga Malaysia, iaitu semangat Teguh Bersama yang harus bermula di peringkat akar umbi dari kalangan komuniti dan keluarga itu sendiri.

### **Warga Kerja Kementerian Sekalian,**

13. Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang ditubuhkan terus komited untuk mencari penyelesaian terbaik terhadap pelbagai isu kos sara hidup yang membebankan rakyat dan memberikan penjelasan secara telus kepada masyarakat mengenai usaha usaha yang diambil untuk menangani isu-isu berkaitan kenaikan harga barangan

### **Pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam**

14. Dalam hal menangani kos sara hidup serta untuk memastikan Keluarga Malaysia terus menikmati harga barang makanan dan keperluan asas berada pada tahap munasabah, KPDNHEP telah meneruskan pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam mulai 1 Julai hingga 31 Ogos 2022. Ini selaras untuk mengurangkan bebanan akibat peningkatan inflasi yang dihadapi bukan sahaja di Malaysia tetapi oleh semua negara pada waktu ini.

### **Inisiatif Kawalan Bekalan dan Harga Minyak Masak**

15. Kerajaan juga telah mengatur strategi untuk terus melindungi dan membela nasib rakyat Malaysia. Bagi maksud mendapatkan harga barangan kawalan pada kadar berpatutan seperti minyak masak, beberapa strategi dan inisiatif telah diambil dengan mewartakan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) (pindaan) 2022 iaitu larangan eksport minyak masak sawit tulen dalam pek polibeg bagi mengekang penyelewengan penyeludupan minyak masak bersubsidi mulai 8 Ogos 2022. Pelaksanaan operasi bersepadu KPDNHEP bersama PDRM, Kastam, MAQIS dan RELA juga dipergiatkan bagi menangani ketirisan minyak masak bersubsidi. Semoga inisiatif ini akan memberi impak positif kepada pengguna di Negara ini.

16. Minyak masak sawit dalam botol lima kilogram (5kg) yang sekarang berharga antara RM39 hingga RM42 kini dijual pada RM34.70 mulai 8 Ogos 2022. Harga baharu yang ditetapkan itu susulan pelaksanaan harga maksimum minyak berkeenaan secara bulanan berdasarkan harga bagi satu tan metrik minyak sawit mentah (CPO) diumumkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Kerajaan memutuskan mekanisme penetapan harga siling minyak masak botol tidak bersubsidi di Semenanjung, ditentukan secara bulanan mengikut purata harga minyak sawit mentah (CPO) bulan sebelumnya. Harga akan ditetapkan secara bulanan berasaskan purata Harga Harian Minyak Sawit Mentah (CPO) diumumkan MPOB pada setiap satu haribulan. Harga ini akan menjadi penanda aras untuk menentukan harga jualan minyak masak tulen tanpa subsidi. Kadar siling bulanan itu akan ditetapkan melalui kaedah pengiraan ditentukan KPDNHEP selepas rundingan bersama pemain industri minyak sawit tulen. Usaha murni ini adalah untuk memastikan keluarga Malaysia tidak terus terbeban dengan peningkatan kos sara hidup pada masa kini. Terima

kasih kepada semua yang terlibat dalam merealisasikan strategi ini.

### **Inisiatif Menu Keluarga Malaysia**

17. Selain isu ayam dan minyak masak, Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi turut memutuskan inisiatif lain dalam menangani isu kos sara hidup dengan memperkenalkan menu Keluarga Malaysia berharga RM3.50 di universiti-universiti.

### **Peluasan Pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia dan Penjenamaan Semula kepada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia 2.0**

18. Pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) diadakan sebagai inisiatif Kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutamanya pengguna dari kalangan berpendapatan rendah. PJKM yang merupakan salah satu usaha kerajaan dalam membantu meringan beban kos sara hidup rakyat telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai.

19. Pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang pada asalnya dilaksanakan di 222 Parlimen, kini diperluaskan ke 600 kawasan Dewan Undangan Negeri di seluruh negara melalui Fasa 2.0 yang telah berlangsung mulai 15 Ogos 2022 dan berakhir pada Disember 2022. Program ini merupakan sinergi bersama empat (4) lagi kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

20. Jawatankuasa Pasukan Jihad Tanggani Inflasi pada 4 Ogos 2022



pula telah menjenamakan semula PJKM kepada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) 2.0.

## **DANA PEMFAILAN HARTA INTELEK 2.0**

17. Pembaharuan dalam persekitaran ekonomi, sama ada di dalam negara, serantau atau antarabangsa telah meletakkan harta intelek sebagai elemen penting dalam perkembangan perniagaan. Harta intelek tidak lagi dilihat sebagai *protective legal shield* semata-mata malah mempunyai fungsi sama seperti harta ketara lain iaitu boleh diperdagangkan atau dilesenkan dengan nilai yang tinggi.

18. Sebagai kementerian yang menerajui perdagangan domestik, KPDNHEP sentiasa komited untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif terutamanya melalui pemerkasaan pemilikan harta intelek di kalangan usahawan tempatan.

19. Atas keprihatinan Kerajaan akan cabaran yang dihadapi usahawan terutamanya pasca pandemik Covid-19, Kerajaan sekali lagi menawarkan **Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 iaitu geran pembiayaan pemfailan harta intelek berjumlah RM4 juta bagi tempoh empat tahun, bermula pada tahun ini hingga 2025 di bawah Rancangan Malaysia ke-12 yang telah dilancarkan pada awal tahun ini.** Saya difahamkan, sehingga kini sebanyak **1,181 permohonan** telah diterima oleh MyIPO.

20. Adalah diharapkan dana ini dapat membantu meringankan beban usahawan-usahawan tempatan seterusnya meningkatkan daya saing melalui perlindungan harta intelek dan merangsangkan ekonomi negara. Saya menyeru supaya lebih ramai usahawan untuk memanfaatkan tawaran Dana Pemfailan Harta Intelek ini bagi memperolehi hak eksklusif

ke atas jenama, reka cipta, reka bentuk, dan karya yang dihasilkan oleh mereka.

## **HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,**

21. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, suka saya mengingatkan semua warga KPDNHEP termasuk diri saya sendiri agar sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan sendiri, walaupun dalam kesibukan kita merencanakan kembali ekonomi domestik dengan pelbagai program yang dirancang. Jutaan terima kasih kepada semua warga Kementerian atas komitmen dan sumbangan yang diberikan dalam merealisasikan agenda dan hasrat Kerajaan.

Saya akhiri dengan pantun pujangga:

Pergi ke hutan memburu rusa,  
Dapat seekor di bagi rata,  
Eratkan perpaduan Keluarga Malaysia,  
Demi keamanan bumi tercinta.

Tumbuh melata buah bidara,  
Di dalam acuan berbagai warna,  
Elakkan sengketa demi negara,  
Barulah perpaduan dapat dibina.

22. Sekali lagi saya ucapkan Selamat Hari Malaysia 2022.

Sekian dan terima kasih.